

EVOLUSI KHAWARIJ DAN IBADHIYAH

Mustafa Kamal Amat Misra
mustafakamal@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Mohd Shairawi Mohd Noor

Pelajar Sarjana Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Norsaleha Mohd. Salleh

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Khawarij adalah serpihan aliran Islam yang terbentuk berdasarkan permasalahan politik ('furu') dan akhirnya membawa kepada tersusunnya manhaj pemikiran mereka yang menjadi paksi pengijihadan kepada permasalahan-permasalahan usul-usul agama. Pandangan ulama' Sunni terhadap Khawarij serta aliran-alirannya secara keseluruhannya cenderung menghukum *takfir* bahkan terhadap *Ibadiyah* tanpa kajian terkini dan akhirnya menunjukkan tahap pergerakkan yang agak perlahan untuk mewujudkan *wehdah al-Islamiyah*. Kajian ini menampilkan sejarah awal perkembangan Khawarij hingga terbit penjemaan seiring manhaj-manhaj baru menurut penelitian umum Ahli Sunnah wa al-Jama'ah serta keberadaan *Ibadiyah* hari ini.

Kata kunci: *khawarij, Ibadiyah, Wehdah al-Islamiyah, Takfir*

Pengenalan

Khawarij ini bermula daripada satu fahaman politik (abad pertama hijrah/ 8 masihi) dan beralih kepada konsep kepercayaan (akidah Islam) berkembang sehingga disepakati oleh segelintir masyarakat hingga berbentuk satu kumpulan atau mazhab. Ia disepakati oleh jumhur ahli sejarah sebagai aliran teologi pertama yang muncul dalam dunia Islam. Kemunculannya dilatarbelakangi oleh pertikaian politik antara Saidina Ali RA dan Muawiyyah RA yang ketika itu menjawat jawatan gabenor Syam (DBP 2004: 46). Keengganan beberapa sahabat seperti Muawiyyah Ibn Abi Sufiyan, Talha Ibn Abdullah dan Zubir Ibn Al-Awam dalam memberi bai'ah terhadap kepimpinan Saidina Ali RA telah menjadi bibit awal kemunculan fikrah ini. Namun sejarah yang lebih tepat menunjukkan kemunculan kumpulan yang digelar khawarij ini bermula ketika tindakan Saidina Ali RA menerima pendamaian (majlis tahkim) dalam perang Sifin dengan tentera Muawiyyah RA membuatkan sebahagian penyokongnya tidak bersetuju dengan anggapan Saidina Ali RA dan golongan yang memihak kepadanya dan tidak berpendirian serta melanggar perintah Allah kerana berhenti memerangi orang yang melawan pemerintah. Dalam keadaan yang sama juga

mereka tetap menolak kepimpinan Saidina Muawiyyah RA kerana tindakannya memerangi pemimpin yang sah (K.H. Sirajuddin: 1999: 153).

Mudahnya, era pemerintahan Saidina Ali RA menyaksikan kemunculan tiga kelompok iaitu penyokong Saidina Ali RA yang disebut Syi'ah, penyokong Muawiyah RA dan Khawarij yang berpisah daripada kedua-dua kelompok tersebut (Ahmad, 2012: 359-376).

Ini membentuk suatu pandangan terhadap Khawarij yang lazimnya bersifat negatif seperti ektrimis dan pemberontak radikal.

Pengingkatan Nama

Istilah Khawarij adalah merupakan terbitan daripada perkataan *Kharaja* dan berasal dari kata jamak *Khaaraja* yang bermaksud *orang yang keluar*. Perkataan ini merujuk kepada orang yang keluar daripada Muslimin yang berpihak kepada Saidina Ali RA. (Abdul Latif. 1998: 176). Walaupun begitu, kumpulan ini tidak menggelarkan mereka sebagai khawarij, bahkan penjenamaan istilah khawarij disandarkan dengan Surah Al-Nisa' ayat 100 iaitu golongan yang keluar berjuang untuk menegakkan kebenaran.

Maksudnya:

"Dan sesiapa Yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapat di muka bumi ini tempat berhijrah Yang banyak dan rezeki Yang makmur; dan sesiapa Yang keluar dari rumahnya Dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka Sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Terdapat juga Namun mereka juga menamakan kumpulan mereka dengan 'kaum Syura' berpadanan dengan ayat 207 surah al-Baqarah selepas gelaran *al-Haruriah*:

Maksudnya:

"Dan di antara manusia ada Yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah semata-mata; dan Allah pula amat belas-kasihan akan hamba-hambanya."

Kamaluddin (2011: 45) menyenaraikan lima gelaran yang digelarkan kepada *Khawarij* iaitu *Khawarij*, *Haruriah*, *Syarah*, *Mariqah* dan *Muhakkimah*. Beliau menyatakan, aliran ini digelar dengan gelaran *al-Syarah* (membeli) dengan anggapan Allah membeli diri mereka untuk syurga. Gelaran *Haruriah* (bebas) pula dengan perbuatan mereka berpecah (*i'tizal*) dan tidak pulang bersama Saidina Ali RA ke Kufah dan terus menuju ke perkampungan Harura' pada awal peristiwa tersebut. Begitu juga dengan gelaran *al-Mariqah* terhadap mereka kerana merujuk kepada pesanan Baginda SAW yang memberi gambaran awal tentang akan wujudnya *al-Mariqah* (berlepas diri) terhadap agama sepertimana terlepasnya anak panah dari busurnya. Namun gelaran ini tidak digemari oleh mereka. Gelaran *al-Muhakkimah* pula merujuk kepada sikap pemulauan mereka terhadap kerajaan (keputusan tahlkim daripada Amru bin al-As dan Abu Musa al-Asy'ari dengan slogan 'tiada undang undang selain undang undang Allah' (al-Asy'ari: 207).

Ringkasnya, ulama' Ahli Sunnah seperti al-Asy'ari menerusi *Maqalat al-Islamiyyin*, al-Baghdadi dalam *al-Farq Bain al-Firaq Wa Bayan al-Firqa al-Najah Minhum* dan al-Shahrastani dalam *Milal wa al-Nihal* menilai perkembangan khawarij

adalah kumpulan Muslim yang tidak setuju dengan tindakan Saidina Ali RA menerima usulan tahkim pihak Saidina Muawiyah RA.

Aliran - Aliran Khawarij

Mazhab Khawarij berkembang dengan melalui fasa perbezaan doktrin sesama pengikutnya dan membantu kepada terbentuknya aliran aliran lain.

Muhakkimah

Aliran Muhakkimah adalah generasi pertama Khawarij yang bertindak memisahkan diri dari barisan penyokong Saidina Ali RA kerana keputusan Baginda RA dalam menerima cadangan Muawiyah RA untuk timbang tara (tahkim). Keputusan memisahkan diri tersebut tidak hanya memisahkan diri dari keterlibatan dalam politik, bahkan tindakan mengundur diri dengan berhijrah ke tempat lain (Harura di daerah Kufah). Dengan tertubuhnya jamaah tersendiri, ia memerlukan perlantikan pemimpin baru dan Abdullah ibn Wahhab Al-Rasyibi telah dipilih. Menurut Shahrastani (1992: 15), terdapat tokoh awal lain dalam aliran ini seperti Abdullah Ibn al Kawa', I'tab Ibn A'war, Urwah Ibn Jarir dan jamaah yang seramai 12000 orang dengan kehidupan yang taat beragama. Semasa era Saidina Ali RA, aliran ini telah diperangi oleh pihak kerajaan (tentera Saidina Ali) dalam peperangan Nahrawan dan diakhiri dengan kekalahan pihak Muhakkimah. Menurut Shahrastani, baki pihak yang kalah tersebut telah berundur ke beberapa negeri seperti Oman, Kirman, Sajistan, Yaman dan sebagai penyebar terawal bagi ideologi Khawarij (Shahrastani, 1992: 17). Harun (1986:14) mengatakan Muhakkimah berpendapat pelaku dosa besar, zina dan bunuh sebagai dosa besar. Manakala pelaku dosa besar dilihat sebagai kafir

Al-Azariqah

Kelemahan pengaruh pemikiran Muhakkimah akhirnya membantu kepada Nafi^c bin al-Azraq untuk memperkenalkan manhajnya dengan label nama kepada al-Azariqah dan perubahan manhaj Khawarij. Beliau daripada susur galur keturunan Bani Hanifah dan aliran yang paling berpengaruh dan mempunyai pengikut yang paling ramai (20 ribu) berbanding aliran-aliran Khawarij yang lain (al-Baghdadi, 1982: 62-64). Dari segi ideologi, Aliran ini dilihat lebih radikal berbanding aliran aliran mazhab khawarij yang lain. Sikap fanatik dan anggapan aqidah mereka yang paling benar menyebabkan pendokong aliran ini menemuduga untuk menilai tahap keimanan orang lain yang mereka temui. Jika mereka dapati ideologi orang tersebut berbeza dan tidak mahu menerima ideologi Azariqah, maka ia akan dibunuh (Ibn Hazm: 189).

Aliran ini melalui bibit kelemahanya pada era pemerintahan Abdul Malik bin Marwan (Umayyah) apabila Nafi^c terbunuh dalam peperangan pada tahun 6 Hijrah.

Ideologi al-Azariqah

1. Mengkafirkan Saidina Ali RA, Saidina Uthman RA, Saidina Talhah, Saidina Zubair, Saidatina Aisyah dan Abdullah bin Abbas (Shahrstani).
2. Menolak hukuman rejam terhadap kesalahan qazaf bagi penzina lelaki (al-Bahgadi: 83). Dengan hanya merujuk kepada zahir nas Surah al-Nur ayat 4, mereka berpendapat hukuman rejam hanya dijatuhkan terhadap kesalahan qazaf bagi penzina wanita yang *muhsan* (Shahrastani: 121).
3. Mereka tidak boleh diperangi kerana menghormati perjanjian sesama mereka namun sebaliknya menurut pandangan aliran al-Najdat (Muhammad Abu Zahrah: 1996).
4. Mereka memandang musyrik terhadap individu mahupun anak individu tersebut yang berbeza ideologi dengan mereka dengan hukuman kekal di neraka serta halal diperangi dan dibunuhi. Menurut Shahrastani (121-122), anak-anak tersebut akan bersama-sama ibu-bapanya di dalam neraka.
5. Wilayah tempat orang yang berbeza dengan aliran ini dianggap sebagai wilayah perang (دار الحرب) (al-Shahrastani 121-122).
6. Dalam konteks kemaksuman para Nabi AS, aliran ini berpendapat Nabi tidak maksum dan berkemungkinan melakukan dosa besar dan kecil.

Menurut Attaisyh (2006: 208-210), manhaj Muakkimah atau Muakkimah al-Ula sentiasa didokongi oleh mereka sehingga penyimpangan Nafi' bin Azraq (Azariqah) dan menyumbang pengasingan diri sebahagian yang lain dan kemudiannya dijelaskan dengan nama Ibadhiyah nisbah kepada Abdullah b. Ibadh al-Tamimi.

Al-Najdat

Aliran ini dipimpin oleh Najdat bin Uaimir (عَبْرِيْر) dari Bani Hanifah. Ia merupakan aliran yang terbentuk daripada pihak yang tidak bersetuju dengan doktrin aliran al-Azariqah. Menurut Muhammad Abu Zahrah (1996), pemilihan Najdat sebagai pemimpin aliran ini juga adalah hasil sokongan Abu Fudaik dan Atiah Ibn al-Aswad yang pada awalnya adalah pengikut aliran al-Azariqah (al-Baghadi: 87). Beliau mengundur diri dari aliran tersebut kerana tidak bersetuju dengan beberapa prinsip yang dilihat sebagai melampau seperti anggapan (kafir) musyrik kepada individu yang tidak menyertai perperangan, penghalalan darah wanita dan kanak kanak Islam yang tidak menerima doktrin al-Azariqah. Namun, aliran ini mempunyai tradisi doktrin tersendiri. Mereka tetap berpandangan, orang yang berbeza pandangan dengan akan kekal di dalam neraka. Namun pelaku dosa besar daripada kalangan pendokong aliran juga akan diazab tetapi bukan di dalam neraka, dan kemudiannya akan dimasukkan ke dalam syurga (al-Shahrastani: 124). Bagi pendokong ini pula, mereka dihukumi sebagai munafiq jika dilihat kurang aktif dalam membawa doktrin alirannya. Namun jika berada diluar penempatan pendokong doktrin al-Najdat, memandangkan kesukaran menzahirkan doktrinnya atas faktor keselamatan, mereka diharuskan bertaqiah dan secara tidak langsung menjadikan aliran ini sebagai aliran pertama dalam Khawarij yang mengharuskan taqiyyah (al-Shahrastani: 124).

Dalam konsep tauhid, aliran ini berpendapat kewajiban Muslim adalah beriman kepada Allah, Rasul, mengetahui hukum haram membunuhi sesama pendokong al-Najdat dan beriman dengan wahyu ketetapan dari Allah (Muhammad Najjar 1990: 160).

Dalam konsep *imamah* pula, Muhammad Abu Zahrah menyatakan *imamah* dalam perbahasan doktrin al-Najdat dibincang dalam ruang lingkup *maslahah*. Jika *maslahah* tersebut telah dipenuhi, konsep *imamah* tersebut tidak perlu dilaksanakan (Muhammad Abu Zahrah: 82). Ini bermaksud, jika keadilan dan keamanan sudah terlaksana dalam sesebuah pentadbiran negara, justeru tiada kemestian untuk melaksana konsep pentadbiran *imamah*. Secara langsung ia mempunyai perbezaan yang ketara dengan *imamah* dalam persepsi Syiah dan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Aliran ini menerima perbezaan pendapat di kalangan pendokongnya hingga menyebabkan perpecahan. Tindakan Abu Fudaik dan 'Atiyah yang memisahkan diri dari ajaran ini dan diikuti pengikutnya masing melemahkan lagi aliran ini. Menurut Muhammad Abu Zahrah, kelompok 'Atiyah berhijrah ke Sajistan manakala kelompok Abu Fudaik melakukan pemberontakan dan akhirnya pembunuhan terhadap Najdat. Abu Fudaik juga akhirnya terbunuh dalam siri peperangan dengan pihak kerajaan (Abdul Malik bin Marwan).

Al-Yazidiah

Aliran ini dipimpin oleh Yazid bin Anisah al-Khariji dengan dokongan doktrin Allah akan mengutuskan Rasul dari kalangan a'jam (bukan Arab) dengan syariat yang baru dan memansuhkan segala syariat rasul-rasul terdahulu. Yazid adalah pendokong asal doktrin aliran Ibadhiyah. Apabila sukar menerima sesetengah disiplin Ibadhiyah menyebabkan beliau mengasingkan diri dan berhijrah ke Jor, Parsi. Al-Bahgdadi (1982) menyatakan, penghijrahan Yazid ke Jor menggalakkan beliau menyebar kembangkan doktrinnya tentang pengutusan Allah Nabi dari a'jam hingga berhasil mengumpulkan jama'ah sendiri. Mereka menyangkakan jama'ah mereka adalah golongan *al-Sabi'in* yang tertulis dalam al-Quran.

Abdul Qahir al-Baghdadi (1982) mengatakan, aliran ini adalah pengikut Yazid bin Anisah al-Khariji, dari Basrah kemudian berhijrah ke Jor di Parsi (Iran) dan mendokong doktrin Ibadhiyah pada awalnya. Beliau menyebarluaskan doktrin tentang pengutusan Rasul dari kalangan selain bangsa Arab dan menyangka mereka adalah pengikut rasul yang ditunggu-tunggu tersebut dengan gelaran *Al-Sabi'in* seperti yang disebut dalam al-Qur'an.

Ahmad Timur (1437h: 4) mengatakan, aliran Yazidiah adalah nama bagi dua aliran. Satunya adalah Yazidiah yang terpecah daripada Ibadhiyah yang kemudiannya terbit dengan nama baru iaitu Yazidiah Nakariah (النكارية) yang juga disebut sebagai Yazidiah Maghrib (المغرب) dan yang kedua Yazidiah A'dawiyah (العدوية) atau Yazidiah Masyrik (المشرق).

Al-Ajaridah

Aliran al-Ajaridah pimpinan Abd Karim Ibn Ajrad yang merupakan pengikut 'Atiyah Ibn Aswad daripada aliran al-Najdat. Aliran ini berdoktrinkan beberapa disiplin pemikiran yang dilihat lebih lembut berbanding doktrin al-Najdat. Malah pada sesetengah isu, ia dilihat hampir kepada doktrin aliran al-Najdat.

Doktrin al-Ajaridah

1. Menurut al-Najjar (1990: 145), berhijrah daripada wilayah penempatan masyarakat yang tidak sependapat dengan doktrin Khawarij atau al-Ajaridah bukan perkara yang wajib melainkan ia adalah sekadar satu kebajikan. Ini bermaksud keterbukaan aliran ini lebih harmoni dengan mereka mengakui keahlian masyarakat sedoktrin mereka yang tidak menetap bersama dalam wilayah al-Ajaridah. Bahkan pengakuan tersebut turut meliputi individu yang tidak sependapat dengan mereka.
2. Dalam konteks harta rampasan, aliran ini mendetili hukum merampas harta rampasan jika harta tersebut daripada si mati yang bukan pendokong al-Ajaridah. Menurut al-Najjar (1990: 145), harta rampasan perang adalah milik si mati yang terbunuh manakala mengambil harta orang yang masih hidup adalah haram. Namun harta tersebut hanya boleh dirampas daripada kalangan bukan pendokong doktrin al-Ajaridah yang telah mati melalui fasa peperangan dengan pihak al-Ajaridah. Memulakan peperangan terhadap selain al-Ajaridah juga dilarang melainkan pihak lawan memulakan dahulu serangan.

Menelusuri perkembangan aliran ini, ia melalui fasa perkembangan dengan pecahan beberapa aliran lain seperti al-Syu'aibiyah, al-Hamziyah, al-Hamiziah, al-Khalafiah, al-Shaltiah, al-Athrafiah dan al-Maimuniah. Menurut al-Najjar (1990: 145), perbezaan pendapat di antara aliran-aliran kecil ini berkisar tentang konsep al-qadar dan kedudukan anak-anak yang tidak sependapat dengan orang tuanya.

Al-Shufriyah

Aliran ini pula dipimpin oleh Ziyad ibn al-Asfar (al-Maqrizi: 354) yang membawa doktrin yang lebih harmoni daripada doktrin aliran Azariqah.

Doktrin Al-Shufriyah

1. Dalam isu kafir, aliran ini tidak mengkafirkhan orang-orang yang tidak menyertai peperangan selagi mereka mengakui kebenaran doktrin al-Shufriyah manakala al-Azariqah berpendapat sebaliknya (Shahrastani: 137).
2. Doktrin al-Shufriyah menolak pendapat yang menyatakan boleh memerangi anak-anak orang musyrik, wanita, orang yang tidak sependapat, tidak mengkafirkhan, tidak mengatakan mereka akan kekal dalam neraka dan tidak mewartakan orang-orang yang tinggal di luar wilayah mereka sebagai *dar al-harb*. Manakala al-Azariqah berpendapat sebaliknya (Muhammad Abu Zahrah: 84).
3. Dalam konteks taqiyyah pula, al-Shufriyah membolehkan taqiyyah dalam perkataan sahaja dan tidak perbuatan. Ini berlawanan dengan doktrin al-Najdat yang mengatakan taqiyyah harus dalam perkataan mahupun perbuatan (Shahrastani: 124).
4. Menurut Shahrastani, konsep dosa besar dalam doktrin al-Shufriyah boleh diratikan kepada dua iaitu kesalahan yang tidak dikategorikan sebagai jenayah hudud seperti meninggalkan solat dan kedua kesalahan yang dikategorikan dalam jenayah hudud seperti minum arak, zina dan mencuri. Kategori pertama dihukumkan sebagai kafir manakala kategori kedua tidak.
5. Dalam doktrin kufur, aliran ini dilihat semirip doktrin al-Ibadiyah iaitu kufur dikategorikan sebagai kufur bi al-nimah dan kufur mengingkari ketauhidan

Allah. Begitu juga dengan konsep syirik. Justeru istilah kufur dan syirik dalam doktrin al-Shufriyah tidak semestinya merujuk kepada kafir dan syirik seperti yang di fahami oleh Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Al-Ibadiyah

Al-Ibadhiyah dipimpin oleh 'Abdullah Ibn Ibadh, merupakan aliran daripada Khawarij yang mendokong doktrin yang paling terbuka dan hampir dengan doktrin Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Dari sudut geografi, aliran ini masih bertahan hingga sekarang dan telah menjadi mazhab rasmi bagi sesetengah Negara seperti Oman dan pendokong aliran ini juga tinggal dalam populasi yang kecil di beberapa Negara seperti Libya, Zazibar dan Algeria.

Al-Ibadhiyah Dan Tokoh Kepimpinan

Historiografi *Ibadhiyah* menunjukkan terdapat tokoh yang berperanan penting sebelum Abdullah Ibn Ibadh, terdapat juga tokoh lain yang dikaitkan dengan kemunculan pemikiran *Ibadhiyah* seperti *Abu Bilal Mirdas Ibn Udayyah al-Tamimi* dan *Jabir bin Zaid al-Azdi al-Umani*. Abu Bilal merupakan antara pemimpin Khawarij berpengaruh yang giat mempromosi ideologinya selepas pasca kekalahan dalam perang Nahrawan (658 hijrah) yang dilakukan secara rahsia bagi manghindar dari dihulu pihak berkuasa Bani Ummayah. Walaupun beliau dilihat berpihak kepada Muakkimah semasa perang Nahrawan tersebut, namun kemudiannya beralih arah kepada mengundur diri daripada Muakkimah lantaran melihat kematian ramai saudara Muslimin sebagai mangsa perang (Iwad, 1994: 5-6).

Ini merubah prinsipnya kepada tidak memerangi pihak yang tidak sependapat dengannya kecuali pihak yang secara rasmi menyatakan pertentangan. Bahkan beliau menyatakan secara tegas perbezaannya dengan Muakkimah dan ini menjadi dasar akidah Ibadhiyah.

Jabir bin Zaid al-Azdi berasal dari Oman dilihat mempunyai kaitan dengan Ibadhiyah walaupun disangkal oleh beliau (W. Montgomery Watt, 1973: 17).

Tokoh seterusnya yang dikaitkan dengan Ibadhiyah adalah Abd Allah Bin Ibadh yang menjadi pemimpin Ibadhiyah era pemerintahan Khalifah Marwan b. Muhammad dari Bani Umayyah (744-750 masihi) walaupun terdapat sumber lain yang menyatakan tokoh tersebut bukan beliau. Ahmad (1988: 74-75) menyatakan Ibn Ibadh menuntut ilmu dengan dengan al-Azdi dengan berdiskusi ilmiah. Beliau mula dilihat berperanan sebagai tokoh gerakan Ibadhiyah sekitar tahun 704 masihi.

Doktrin Al-Ibadiyah.

1. Dalam konteks musyrik, aliran ini dilihat berbeza dengan aliran-aliran Khawarij sebelumnya. *Al-Ibadiyah* tidak menghukumi musyrik kepada orang yang tidak mengakui keabsahan doktrinnya melainkan tidak mukmin. Mereka mengistilahkannya sebagai kafir. Namun ia bukan kafir seperti yang difahami oleh Ahli Sunnah dan aliran-aliran Khawarij yang lain, bahkan kafir dengan ni'mat Allah (كفر بالنعمة).
2. Dalam konteks *Dar al-Harb* pula, *Ibadiyah* sedoktrin dengan al-Shufriyah iaitu berpendapat wilayah orang selain *Ibadhiyah* adalah wilayah tauhid dan Islam (Al-Shahrastani: 134). Ini bermaksud pengakuan *Ibadhiyah* terhadap

kebenaran akidah orang selain Ibadhiyah menjadikan doktrin mereka mengharamkan peperangan dan pembunuhan terhadap orang selain Ibadhiyah secara langsung membezakannya dengan aliran *al-Azariqah*. Ini juga meliputi pengharaman terhadap perampasan harta rampasan perang (Ghanimah) daripada pihak musuh kecuali peralatan perang (kuda dan senjata). Namun dalam konteks tentera pemerintah, Ibadhiyah sependapat dengan aliran-aliran Khawarij yang lain iaitu boleh menerima kekhilafahan Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Umar RA namun tidak menerima kekhilafahan Saidina Uthman RA (pasca kedua) dan Saidina Ali RA (pasca tahkim) (al-Isfarayini, 1988: 86) kerana dianggap sebagai pelaku dosa besar (Andrew Rippin dan Jan Knappert, 1986: 16). Ini sesuai dengan prinsip meraka yang mengatakan *imamah* adalah suatu kewajipan dan perlu dilaksanakan oleh pemimpin hanya apabila memenuhi syarat.

3. Bukti keterbukaan Ibadhiyah terhadap doktrin aliran-aliran lain menunjukkan penerimaannya dalam urusan kesaksian. Keterbukaan ini menjadikannya doktrin yang moderat *intra-doctrine* dan *inter doctrine* hingga mengharuskan pernikahan dan perwarisan harta pusaka sesama Khawarij mahupun Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Keakraban Ibadhiyah dengan Asha'irah

Ibadhiyah adalah aliran daripada Khawarij yang paling akrab dengan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dengan lebih terbuka (muktadil) dari sisi pemikiran dan manhajnya jauh daripada sifat ghuluw serta mempunyai susur galur fiqh yang baik di samping ulama'-ulama'nya yang cemerlang (Muhammad Abu Zahrah. T.th). Ini disokong oleh Hasan Ibrahim Hasan dengan menyatakan Ibadhiyah berbeza dengan aliran-aliran Khawarij yang lain dengan tidak melampau dalam menghukumi perkara-perkara yang menyalahi manhaj mereka.

Nuruddin (2011: 57) membuktikan keakraban *Ibadhiyah* dengan Ahli Sunnah dalam banyak keadaan dan sedikit perbezaan dari sisi pandangan fiqh seperti kewajipan *wasiyah* dan keharusan *wasiyah* untuk waris.

Kesimpulan

Pada era pemerintahan Bani Umayyah, kumpulan khawarij masih lagi bebas melakukan penentangan, namun pengaruh mereka semakin lemah dan akhirnya dilumpuhkan sehingga bersilih ganti pemerintahan dengan Bani Abbasiyyah. Perpecahan sesama ahli kumpulan akibat perbezaan ideologi juga membantu melumpuhkan lagi kumpulan ini.

Pengenalan awal terhadap perkembangan aliran-aliran Khawarij dapat memberikan tanggapan awal terhadap aliran Khawarij khasnya *Ibadhiyah* yang masih dipegangi oleh kelompok kecil Muslim Afrika dan Oman di samping dapat mengelak budaya *takfir* yang daripada pihak yang kurang mempunyai maklumat tentangnya serta membantu mempercepatkan kesatuan umat Islam walaupun tergantung kepada metodologi masing-masing untuk memahami dan mengamalkanya.

Keakraban Ibadhiyah dan Asya'irah dari segi manhaj akidahnya ditandai dengan perkembangan teologi kalam Ibadhiyah yang ditarjih semula dengan oleh ulama' Ibadhiyah dengan mengambil banyak pandangan tokoh-tokoh Asya'irah seperti al-Jitali yang mengambil pandangan al-Ghazali sehingga karyanya *al-Qanatir*

al-Khairat yang dilihat mirip karya *Ihya' al-Ulum al-Din*. Dan lagi tokoh Atfaiysh (1882M) yang merujuki karya al-Sanusi *al-'Aqidah al-Kubra*.

Rujukan

- Abu al-Hassan al-'Asha'ri. 1990. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa ikhtilāf al-Musallīn*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah
- Abdul Hadi Awang. 2008. *Fahaman Dan Ideologi Umat Islam*. Kuala Lumpur: PTS
- Abdul Latif Muda. 1998. *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Ahmad Timur. 1347h. *Yudainu bi Ibadati al-Syaitan*. Matba'ah al-Salafiah: Qaherah
- Andrew Rippin dan Jan Knappert. 1986. *Textual Sources for The Study of Islam*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Atfaiysh, Amuhammad bin Yusuf. 2006. *Syarh al-Aqidah al-Tauhid*. Tahqiq Mustafa Wentan. Muassash al-Dhia': Jamiah al-Ghardaya
- Al-Bahgadhi, Abd. Al-Qahir. 1982. *Farq Baina al-Firaq*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah
- Ensiklopedia Islam*. 2004. Jil 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hazm. t.th. *Al-Fishal fi al-Milal wa-Ahwa wa al-Nihal*. Jil 3. t.tp Maktabah al-Salam al-A'lamiyah
- Iwad Muhammad Khalifat. 1994. *Al-Usul Tarikhayah li al-Firqah al-Ibadhiyah*. Oman: Wizarat al-Turath al-Qawmi al-Thaqafah.
- Al-Isfarayini, Abu Muzaffar. 1988. *Al-Tabsir fi al-Din wa Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firaq al-Halikin*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut.
- Al-Juhanni, Mani^c bin Hammad. 2003. *Mausu^cah al-Muyassar fi al- Adyan Wa Ahzab al-Muassarah*. Jil 1.
- Kamaluddin Nuruddin Marjuni. 2011. *Al-Mazahib al-Aqaidiyah al-Islamiyah, Nasy'atuha, wa Tatauwuruha, wa Qadayaha, al-Ibadhiyah, al-Muktazilah, al-Asya'irah, al-Maturudiah, al-Zahiriah*. Universiti Sains Islam Malaysia: Nilai
- Muhammad Abu Zahrah, *Aliran Politik dan 'Aqidah dalam Islam*, Terj. Abd. Rahman Dahlan Ahmad Qarib.Jakarta: Logos Publishing house
- Muhammad Abu Zahrah. T.th. *Tarikh Mazhab al-Islamiyah*. Dar al-Fikr al-'Arabi: al-Qaherah
- Al-Najjar, Amir. 1990. *Khawarij: Aqidatan wa Fikran wa Falsafatan*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Shahrastasni, Muhammad Abd. Karim. 1992. *Milal wa al Nihal*. Ta^cliq Fahmi Ahmad Muhammad. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah
- Sirajuddin Abbas. 1999. *I'tikad Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah
- Al-Talibi, Ali Muammar. T.Th. *Al-Ibadiyah Fi al-Tarikh*. Qaherah: Maktabah Wahbah